

Headline	Wujud pusat kumpul produk tani		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	12 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	446 cm ²
Journalist	y / i -, \	AdValue	RM 1,664
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,993



Mudahkan orang ramai mengetahui lebih lanjut produk unik di Sarawak

Wujud pusat kumpul produk tani

FENNY SILONG

KUCHING: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek menyarankan sebuah pusat pengumpulan produk dibina oleh pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di negeri ini.

Beliau berkata, pembinaan pusat berkenaan akan memudahkan orang ramai mengetahui lebih lanjut mengenai produk unik yang terdapat di Sarawak.

"Sarawak mempunyai produk yang unik seperti buah dabai, durian pakan, pisang udang apabila hanya diperolehi pada musim tertentu.

"Malah, produk ini mempunyai nilai pemakanan tertentu dan boleh dikembangkan,"

katanya kepada media selepas Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Ke-4 Medan Niaga Satok yang disempurnakan Ketua Menteri Datuk Amar Abang Johari Tun Openg di sini, semalam.

Kata Shabery, kewujudan pusat pengumpulan terbabit akan memudahkan pengurusan logistik dan Medan Niaga Satok merupakan lokasi yang paling sesuai untuk mengetahui sesuatu produk.

"Kemudian, kita akan cari satu tempat di Semenanjung Malaysia sebelum produk berkenaan dihantar ke tempat lain.

"Justeru, kempen yang berkesan diperlukan agar produk ini tidak hanya bergantung ke-

pada permintaan orang Sarawak sahaja, malah dipasarkan ke peringkat antarabangsa," jelasnya.

Beliau berkata, Sarawak sepatutnya menjadi negeri pertanian terpenting yang bukan hanya tertumpu kepada petani berskala kecil tetapi menggalakkan industri bersifat komersial kerana mempunyai tanah luas.

"Maka, kita akan melakukan tindakan susulan mengenai pembinaan pasar tani yang perlu disegerakan seperti di Sibuan dan Kapit.

"Melihat kepada Medan Niaga Satok, ia merupakan projek berskala sederhana tetapi memberi impak yang

besar kepada peniaga," ujarnya.

Oleh itu, katanya, perancangan lebih lanjut akan dilakukan dengan pihak Fama untuk meniru model sama seperti Medan Niaga Satok untuk dibangunkan di seluruh negara.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pemodelan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Dato' Anthony Nogueh Gumbek, Menteri Kerja Raya Dato' Sri Fadillah Yusof dan Ketua Pengarah Fama Dato' Ahmad Ishak.

Headline	Wujud pusat kumpul produk tani		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	12 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	446 cm ²
Journalist	y / i -, \	AdValue	RM 1,664
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,993



BUAH-BUAHAN SARAWAK... Ketua Menteri, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg bersama Datuk Amar Douglas Uggah, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Dato Sri Fadillah Yusof dan Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang, mempamerkan buah-buahan unik yang terdapat di Sarawak, semasa merasmikan Sambutan Ulang Tahun ke-4 Medan Niaga Satok, di Kuching, semalam. • Foto AWANG KUSHAIRY JUNAIDI